

MALPTAAC 15/2024: Keberkesanan Program Memberi Impak Jatidiri Kepada Pelajar Askar Wataniah Politeknik Banting Selangor

Mejar Muhamad Sani bin Buang^{1*}, Azlizul bin Suli², Muhammad Abil Bin Mohd Ali³

¹ Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Banting Selangor

^{2,3} Jabatan Penyelenggaraan Pesawat, Politeknik Banting Selangor

sani@polibanting.edu.my

ABSTRAK: MALPTAAC 15/2024 merupakan singkatan kepada “Malaysian Polytechnics Territorial Army Annual Camp” Siri Ke-15, iaitu program tahunan latihan ketenteraan bagi anggota Askar Wataniah Politeknik Malaysia. Program ini adalah kerjasama antara Kementerian Pertahanan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi. Ia menyokong konsep HANRUH (Pertahanan Menyeluruh) dalam Dasar Pertahanan Negara dengan menguji ketahanan fizikal dan mental serta kemahiran ketenteraan pelajar. Kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan program terhadap pelajar Askar Wataniah Politeknik Banting Selangor (PBS) dari dua aspek utama: jati diri pelajar sebagai anggota Askar Wataniah dan kemahiran menguasai ilmu ketenteraan. Penilaian dibuat semasa Fasa Kem melalui beberapa ujian: Ujian Jalan Laju (UJL) 5km, Multi Relay, Ujian Pandu Arah, dan Ujian Kemahiran Menembak. Seramai 34 pelajar PBS dan 16 pasukan politeknik terlibat. Hasil keputusan menunjukkan PBS mendapat tempat ke-8 (UJL), ke-3 (Multi Relay), ke-13 (Pandu Arah), dan ke-3 (Menembak), serta kedudukan keseluruhan ke-6 daripada 16 pasukan. Dapatan kajian menunjukkan program MALPTAAC ini berkesan dalam meningkatkan jati diri dan kemahiran ketenteraan pelajar PBS, sekali gus memberi nilai tambah kepada mereka sebagai pelajar Askar Wataniah Politeknik Malaysia.

Keywords: MALPTAAC, Askar Wataniah, Fasa Kem dan Medan, Jatidiri, Kemahiran Penguasaan Ilmu Ketenteraan

1.0 Pengenalan.

MALPTAAC 15/2024 merupakan singkatan bagi “Malaysian Polytechnics Territorial Army Annual Camp” atau dikenali sebagai Latihan Kem Tahunan Askar Wataniah Politeknik SeMalaysia Siri Ke-15 yang telah dilaksanakan pada tahun 2024. Program MALPTAAC 15/2024 ini adalah hasil kerjasama antara Kementerian Pertahanan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia yang telah berjaya dilaksanakan di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Arau (PTSS) selaku penganjur utama bersama Rejimen 504 Askar Wataniah Negeri Perlis. Penyertaan MALPTAAC Siri 15/2024 kali ini melibatkan sejumlah 17 Politeknik daripada 11 pasukan Rejimen Askar Wataniah Siri 500 seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 1**. Program kolaborasi antara Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pendidikan Tinggi ini merupakan salah satu program berimpak tinggi yang menyokong konsep HANRUH (Pertahanan Menyeluruh) seperti yang telah ditetapkan dalam Dasar Pertahanan Negara. Pertahanan menyeluruh ini juga memberi kesan kepada ekonomi, sosial dan pembangunan negara (Hashim et al, 2020).

MALPTAAC juga dikesan telah memberikan satu suntikan semangat kepada warga Politeknik Malaysia untuk menyumbang tenaga dan khidmat sukarela apabila penyertaan pelajar dan warga Politeknik di dalam Pasukan Askar Wataniah bertambah setiap tahun. MALPTAAC sememangnya

menjadi satu sesi latihan yang ditunggu-tunggu oleh warga askar wataniah politeknik kerana ianya memeriahkan suasana kampus, serta memperlihatkan jati diri anggota, kekuatan dan imej pasukan di dalam sesebuah politeknik termasuklah Politeknik Banting Selangor. Sehingga kini, sejumlah 36 pensyarah di seluruh Politeknik Malaysia sedang aktif berkhidmat sebagai pegawai sukarela dengan melatih anggota aktif pelajar dan kakitangan Politeknik sejumlah 1021 orang.

Jadual 1: Penyertaan Politeknik dan Pasukan Askar Wataniah Siri 500

Bil.	POLITEKNIK	REJIMEN SIRI 500
1.	POLITEKNIK PREMIER IBRAHIM SULTAN (PIS)	REJ 501 AW JOHOR
2.	POLITEKNIK TUN SYED NASIR (PTSN)	
3.	POLITEKNIK BANTING SELANGOR (PBS)	REJ 502 AW SELANGOR
4.	POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH (PSIS)	
5.	POLITEKNIK PREMIER UNGKU OMAR (PUO)	REJ 503 AW PERAK
6.	POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH (PSAS)	
7.	POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN (PTSS)	REJ 504 AW PERLIS
8.	POLITEKNIK MUADZAM SHAH (PMS)	REJ 505 AW PAHANG
9.	POLITEKNIK SULTAN AHMAD SHAH (POLISAS)	
10.	POLITEKNIK PORT DICKSON (PPD)	REJ 508 AW N. SEMBILAN
11.	POLITEKNIK SEBERANG PERAI (PSP)	REJ 509 AW PULAU PINANG
12.	POLITEKNIK MUKAH SARAWAK (PMU)	REJ 510 AW SARAWAK
13.	POLITEKNIK KUCHING SARAWAK (PKS)	REJ 511 AW SARAWAK
14.	POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (POLIMAS)	REJ 513 AW KEDAH
15.	POLITEKNIK SULTANAH BAHYIAH (PTSB)	
16.	POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA (PMM)	REJ 514 AW MELAKA
17.	POLITEKNIK KOTA MELAKA (PMK)	

2.0 KAJIAN LITERATUR

MALPTAAC ini telah bermula sejak tahun 1999 dan sehingga ke tahun 2024, sebanyak 15 siri latihan telah dilaksanakan. **Jadual 2**, menunjukkan sejarah penganjuran MALPTAAC yang bermula dari tahun 1999 sehingga tahun 2024. Corak dan pola latihan adalah berbeza-beza pada setiap siri demi memastikan kepelbagaian dalam latihan dapat dicapai sekaligus dapat menerapkan minat yang berterusan kepada setiap anggota wataniah untuk terus menyertai latihan-latihan yang dirancang. MALPTAAC telah memberi peluang kepada pelajar-pelajar Politeknik Malaysia yang menyertai Pasukan Askar Wataniah untuk mendapat ilmu ketenteraan yang sewajarnya sekaligus dapat diandalkan bagi membantu ganti angkatan tetap apabila keadaan memerlukan.

Tujuan utama penubuhan pasukan askar wataniah di politeknik adalah untuk melatih belia-belie negara terutama pelajar-pelajar politeknik dengan latihan ketenteraan sepenuhnya supaya membolehkan mereka menjadi anggota simpanan tentera yang mampu membantu pasukan keselamatan mempertahankan negara dan sentiasa siap siaga apabila keadaan memerlukan. Mengenali dan memahami visi dan misi askar wataniah amat penting bagi memastikan setiap anggotanya memahami kehendak askar wataniah. Visi bagi askar wataniah ialah membangun askar wataniah yang seimbang dari segi jasmani dan rohani serta mencapai nisbah 1:1 dengan angkatan tetap manakala misi askar wataniah ialah untuk membantu ganti angkatan tetap semasa perang, darurat dan melaksanakan operasi ketenteraan selain peperangan.

Pasukan Askar Wataniah juga adalah merupakan salah satu badan beruniform yang terdapat di dalam kurikulum kokurikulum di Politeknik Malaysia. Di dalam kokurikulum Askar Wataniah, para pelajar akan diterapkan dengan pelbagai aktiviti-aktiviti yang menerapkan elemen-elemen positif ciri-ciri kepimpinan hebat dan pelbagai ilmu disiplin tentera (Garis panduan askar wataniah politeknik Malaysia, 2015). Antara aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Pasukan Askar Wataniah Politeknik Malaysia bagi mendukung visi dan misi Askar Wataniah ialah Kursus Asas Perajurit Muda Sukarela (APMS) yang telah dilaksanakan selama sebulan bagi setiap tahun. Elemen kursus ini melibatkan empat komponen utama iaitu kawad kaki, pengendalian senjata, teori medan perang dan latihan medan yang secara jelasnya memberi pengalaman baharu sebagai anggota tentera oleh seseorang pelajar politeknik. Mental penuntut juga turut diuji sepanjang kursus melalui latihan dan ujian fizikal seperti ujian jalan laju dan Multy Relay mengikut peraturan yang telah ditetapkan. MALPTAAC juga merupakan satu program latihan yang boleh memperlihatkan jati diri, kekuatan serta kemahiran penguasaan ilmu ketenteraan bagi seseorang anggota pelajar Askar Wataniah Politeknik Banting Selangor maupun anggota Askar Wataniah Politeknik Malaysia.

Jadual 2: Sejarah Penganjuran MALPTAAC

SIRI	TAHUN	PENGANJUR BERSAMA	
		POLITEKNIK	REJIMEN SIRI 500
1	1999	Politeknik Ungku Omar (PUO)	REJ. 503 AW Perak
2.	2000	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS)	REJ. 513 AW Kedah
3.	2001	Politeknik Port Dickson (PPD)	REJ. 508 AW Negeri Sembilan
	2002	TIADA PENGANJURAN	
4.	2003	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS)	REJ. 505 AW Pahang
5.	2004	Politeknik Kota Bharu (PKB)	REJ. 506 AW Kelantan

Commented [ASB11]: Tidak jelas penyataan masalah. Tidak selari dengan objektif. Dicapangkan untuk elakkan pengisian program di dalam penyaataan masalah

Commented [MSBB2R1]: Saya telah membuat pindaan mengenai penyataan kajian terdahulu dan pembetulan kepada ayat penyetaan masalah yang dikomen

6.	2005	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)	REJ. 502 AW Selangor
	2006 – 2011	TIADA PENGANJURAN	
7.	2012	Politeknik Merlimau (PMM)	REJ. 514 AW Melaka
8.	2013	Politeknik Seberang Perai (PSP)	REJ. 509 AW Pulau Pinang
9.	2014	Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA)	REJ. 512 AW Terengganu
10.	2015	Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)	REJ. 503 AW Perak
11.	2016	Politeknik Ibrahim Sultan (PIS)	REJ. 501 AW Johor
12.	2017	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS)	REJ. 513 AW Kedah
13.	2018	Politeknik Port Dickson (PPD)	REJ. 508 AW Negeri Sembilan
14.	2019	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS)	REJ. 505 AW Pahang
	2020 - 2023	TIADA PENGANJURAN	
15.	2024	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)	REJ 504 AW Perlis

Proses pembelajaran bukan sahaja memfokuskan kecemerlangan akademik semata-mata. Malah pembentukan jati diri amat penting di mana pelajar-pelajar hendaklah dilatih supaya mempunyai sifat bertanggungjawab dengan disiplin yang tinggi melalui kursus kokurikulum (Canham & Bennett 2002; Mahoney et al. 2003; Badusah et al. 2009). Program-program dilaksanakan perlu diperhebatkan dan dimantapkan dari semasa ke semasa supaya keperluan dan masalah semasa dapat ditangani secara berkesan. Menurut (Jumelan 2014) program pasukan berpakaian seragam berjaya menjana jati diri pelajar dengan mendedahkan dan mempraktikkan ilmu kepimpinan dan komunikasi secara berkesan.

Beberapa kajian lepas telah menunjukkan bahawa program berorientasikan ketenteraan memberi impak positif terhadap pembentukan jati diri dan penguasaan kemahiran dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Kajian oleh Mohamad (2019) mendapati bahawa penyertaan pelajar dalam program ketenteraan seperti latihan pasukan simpanan dapat membentuk daya tahan fizikal dan mental yang tinggi serta meningkatkan semangat patriotisme dan disiplin sendiri. Hasil dapatan ini menyokong matlamat program MALPTAAC yang turut menekankan ketahanan fizikal dan mental sebagai tunjang kepada pembinaan jati diri pelajar Askar Wataniah. Sementara itu, kajian oleh Ismail dan Rahman (2020) pula menekankan bahawa latihan ketenteraan yang berstruktur mampu meningkatkan kemahiran taktikal, kepimpinan, serta kecekapan dalam menggunakan peralatan ketenteraan. Kajian ini turut menunjukkan bahawa pelajar yang mengikuti latihan berterusan dalam pasukan simpanan memperoleh tahap penguasaan ilmu ketenteraan yang lebih tinggi berbanding pelajar yang tidak terlibat.

Walau bagaimanapun, masih terdapat kekurangan kajian yang khusus menilai keberkesanan program MALPTAAC terhadap pelajar Askar Wataniah di Politeknik Banting Selangor. Oleh itu, kajian ini penting untuk menilai secara empirikal impak program tersebut dari aspek jati diri serta tahap penguasaan kemahiran ketenteraan.

3.0 PENYATAAN MASALAH

Program MALPTAAC (*Malaysia Polytechnics Territorial Army Annual Camp*) merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan bagi membentuk pelajar Askar Wataniah di institusi politeknik agar memiliki jati diri yang kukuh serta menguasai kemahiran ketenteraan asas. Namun begitu, keberkesanan program ini dalam mencapai objektif pembentukan ketahanan fizikal dan mental serta tahap penguasaan kemahiran ilmu ketenteraan dalam kalangan anggota pelajar masih belum dinilai secara empirik khususnya di Politeknik Banting Selangor (PBS).

Ketiadaan data yang menyeluruh mengenai sejauh mana program MALPTAAC menyumbang kepada pembinaan jati diri dan penguasaan kemahiran ketenteraan menimbulkan persoalan tentang keberkesanan sebenar program ini. Hal ini penting memandangkan penyertaan dalam Askar Wataniah memerlukan bukan sahaja daya tahan fizikal dan mental yang tinggi, tetapi juga kecekapan dalam latihan dan disiplin ketenteraan sebagai persediaan kepada peranan sokongan ketenteraan negara.

Kajian oleh Mohamad (2019) menunjukkan bahawa program berbentuk ketenteraan dalam kalangan pelajar IPT mampu meningkatkan tahap disiplin, semangat kerjasama dan jati diri. Tambahan pula, kajian oleh Ahmad & Halim (2021) mendapati bahawa pelajar yang menyertai pasukan beruniform menunjukkan tahap penguasaan kemahiran sendiri dan ketenteraan yang lebih tinggi berbanding pelajar biasa. Namun, kajian-kajian tersebut tidak menumpukan kepada program MALPTAAC secara amnya mahupun kontek Politeknik Banting Selangor khususnya. Oleh itu, satu kajian menyeluruh perlu dijalankan bagi menilai keberkesanan program ini secara spesifik terhadap pelajar PBS dari aspek ketahanan fizikal dan mental serta penguasaan kemahiran ketenteraan.

Objektif Kajian

Objektif Kajian ini dijalankan bagi menilai keberkesanan program MALPTAAC kepada anggota pelajar Askar Wataniah Politeknik Banting Selangor (PBS) yang menjurus kepada pencapaian dua aspek utama:

1. Menilai Jati Diri Pelajar – Merangkumi ketahanan fizikal dan mental.
2. Mengenal pasti tahap penguasaan Kemahiran Ilmu Ketenteraan – Penguasaan latihan dan kemahiran ketenteraan.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan pelajar anggota Askar Wataniah Politeknik Banting Selangor (PBS) sebagai responden. Seramai 34 orang pelajar PBS menjadi responden yang menyertai MALPTAAC Siri 15/2024. Instrumen kajian yang digunakan bagi menilai objektif pertama (1) iaitu menilai tahap jati diri ketahanan fizikal dan mental pelajar adalah melalui pertandingan ujian jalan laju 5 KM dan ujian multi relay MALPTAAC 15/2024. Manakala instrumen kajian bagi menilai objektif kedua (2) Mengenal pasti tahap penguasaan Kemahiran Ilmu Ketenteraan adalah melalui pertandingan ujian pandu arah dan ujian latihan menembak MALPTAAC 15/2024. Penilaian markah bagi pemenang bagi setiap ujian adalah dinilai berdasarkan kriteria pertandingan itu sendiri. Nilai mata yang tertinggi akan diperolehi mengikut kedudukan tempat sesuatu pasukan merujuk kepada 16 buah politeknik yang bertanding bagi setiap ujian bagi menentukan pemenang keseluruhan merujuk **Jadual 3** seperti yang ditetapkan dalam Arahan Am Latihan MALPTAAC 15/2024.

Jadual 3: Jadual Mata Pemarkahan Pertandingan bagi setiap Ujian

Kedudukan Pasukan	Jumlah Mata Pemarkahan
1.	16
2.	15
3.	14
4.	13
5.	12
6.	11
7.	10
8.	09
9.	08
10.	07
11.	06
12.	05
13.	04
14.	03
15.	02
16.	01

4.1 Instrumen Penilaian Ujian Jalan Laju 5 KM

Objektif Ujian Jalan Laju 5 Kilometer (UJL 5 KM) diadakan bagi menguji tahap daya ketahanan mental, jati diri dan kecergasaan fizikal anggota Sukarela Politeknik. Ujian UJL ini juga bagi melahirkan anggota yang tangkas dan lasak semasa melaksanakan tugas ketenteraan serta mengeratkan lagi semangat setiakawan di kalangan anggota. UJL ini dijalankan sekitar kawasan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin,

Commented [ASBI3]: Metodologi

Commented [MSBB4R3]: Saya telah memperbetulkan ayat

Commented [ASBI5]: instrumen


Commented [MSBB6R5]: telah diperbetulkan

Commented [ASBI7]: kedua


Commented [MSBB8R7]: telah diperbetulkan

Arau Perlis. Format pertandingan adalah merujuk kepada dokumen PROTAP latihan PMBTD No 23 (Ujian Jalan Laju). Format ujian yang perlu dipatuhi oleh setiap pasukan Politeknik adalah berpakaian lengkap medan (PLM) bersenjata persendirian Colt M16 bersama 2 kelopak dan bertali sling. Setiap pasukan harus mengandungi 10 orang anggota yang terdiri dari 7 orang lelaki dan 3 orang perempuan. Setiap anggota haruslah mempunyai tahap kesihatan cergas yang telah disahkan oleh pegawai perubatan tentera.

Setiap pasukan mesti mematuhi peraturan pemakaian dan peralatan semasa UJL seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 1** merujuk kepada Kembaran MK TD/G3/OP BTN (C)/7038 dan Arahan Am Latihan MALPTAAC 15/2024. Setiap peserta juga diwajibkan memakai abjad dan nombor peserta seperti yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur seperti di dalam **Rajah 2**. Abjad dan nombor peserta ini haruslah disediakan di atas kain putih yang berukuran 24 cm x 14 cm dengan tulisan jenis Arial berwarna hitam bersaiz 300. Setiap peserta akan menerima 2 helai nombor peserta untuk dipasang pada pack dan pada poket seluar sebelah kanan.



Rajah 1: Pemakaian dan Peralatan Semasa Pertandingan Pandangan Depan dan Belakang



Rajah 2: Format Abjad dan No. Peserta

Kaedah pemarkah bagi menentukan pemenang dikira dari '0' masa bermula ditempat pelepasan dan berakhir dengan anggota yang ke 10 melepasi garisan penamat akan menentukan markah asas. Pasukan yang akan mencatatkan masa 50 minit 5 saat semasa menamatkan pertandingan, maka markah asas yang diperolehi ialah 3005 markah ($50 \text{ minit} \times 60 \text{ saat} + 5 \text{ saat}$). Seterusnya, jika peserta-peserta dalam pasukan ini melanggar peraturan pertandingan, mereka akan dikenakan penalti mengikut kadar yang ditetapkan. Markah ini akan ditambah kepada markah asas. Penalti 150 markah akan dikenakan sekiranya peserta gagal menamatkan larian akibat cedera dan disahkan oleh doktor tidak boleh meneruskan pertandingan. Penalti juga akan dikenakan sekiranya peralatan di badan yang tidak lengkap seperti dalam syarat-syarat pemakaian. Kumpulan yang memperoleh markah yang paling tinggi, dikira sebagai pemenang bagi pertandingan ini.

4.2 Instrumen Penilaian Ujian Multi Relay

Objektif Ujian Multi Relay adalah bagi menguji ketahanan mental, fizikal dan kepercayaan kepada jati serta pasukan. Ianya juga dapat memupuk semangat setiakan dan *Espirit De Corp*. Bilangan peserta adalah sama seperti UJL. Peraturan pemakaian adalah *Half* loreng dan setiap anggota perlu membawa senjata persendirian bersama 1 kelopak dan bertali sling. Ujian multi relay ini dijalankan dengan 3 peringkat iaitu:

- Peringkat Pertama:

Peserta dalam kumpulan perlu berlari/berjalan pantas sejauh 2 km dengan membawa peralatan tambahan seperti 1 x LMG (anggota yang membawa LMG tidak perlu membawa senjata persendirian), 1 x bendera pasukan masing-masing, 2 x tong peluru (berat setaip 1 tong peluru bersamaan 2 kg), 1 x *Hammock* dan kayu pengusung.

- Peringkat Kedua:
Di jarak 250 meter terakhir kumpulan peserta perlu merangkak di bawah halangan sejauh 50 meter dengan membawa semua peralatan yang ada dan seterusnya menyediakan 1 x pengusung apabila melepasi halangan tersebut. Dengan jarak 200 meter terakhir, kumpulan perlu membawa seorang anggota sebagai pesakit di atas usungan untuk di bawa ke garisan penamat.
- Peringkat Ketiga:
Di garisan penamat, kumpulan perlu mendirikan khemah sementara yang kukuh menggunakan peralatan yang telah disediakan di garisan penamat yang disediakan oleh urusetia. Kumpulan perlu melapor kepada pengadil sekiranya khemah siap didirikan.

Kaedah pemarkah dikira dari '0' masa bermula ditempat pelepasan dan berakhir dengan anggota yang ke 10 melepasi garisan penamat serta kumpulan melapor kepada pengadil setelah menyiapkan khemah sementara dengan kukuh dan kemas akan menentukan markah asas. Penalti 150 markah akan dikenakan sekiranya peserta gagal menamatkan larian akibat cedera dan disahkan oleh doktor tidak boleh meneruskan pertandingan. Markah ini akan ditambah kepada markah asas. Penalti juga akan dikenakan sekiranya peralatan di badan dan tambahan yang tidak lengkap seperti dalam syarat-syarat pemakaian.

4.3 Instrumen Penilaian Ujian Pandu Arah

Objektif Ujian Pandu Arah ini adalah mempraktikkan kebolehan penguasaan kemahiran ilmu ketenteraan pandu arah dikalangan anggota wataniah serta menguji kerjasama pasukan dan penyampaian perintah di kalangan ahli kumpulan. Ujian Pandu Arah ini telah dijalankan di sekitar kawasan Chuping dan Padang Besar, Perlis. Dalam ujian kemahiran pandu arah ini, anggota askar wataniah PBS akan dinilai mengenai kemahiran mengenal tanda panduan pada peta dan muka bumi sebenar, menguji kefahaman dalam mengendalikan kompas dan protaktor, menguji kemahiran untuk mendapatkan kedudukan grid enam angka serta merancang perjalanan untuk melaksanakan pandu arah. Pelaksanaan latihan ini sejajar dengan teras pertama dalam Perintah Ulung Panglima Tentera Darat (PTD) Ke-30 iaitu Sumber Manusia: Cakna Etos Kepahlawanan yang menekankan tentang pembangunan program latihan secara realistik dan berfokus.

Dalam ujian kemahiran pandu arah ini, setiap pasukan mesti mematuhi peraturan pemakaian lengkap medan (PLM), membawa senjata persendirian M16 bersama 5 kelopak M16 dan peralatan semasa sama seperti dalam UJL. Peralatan tambahan yang wajib dibawa semasa ujian pandu arah adalah 1 x kompas, 1 x protector, 1 x *Patrol Pack* 1 x Peta bagi Kawasan ujian pandu arah, 1 x bendera merah dan nota. Setiap pasukan harus mengandungi 10 orang anggota yang terdiri dari 6 orang lelaki dan 4 orang


perempuan.

Perlaksanaan ujian pandu arah ini, setiap kumpulan akan dihantar ke tempat permulaan mengikut titik panduan tempat bermula (TB) yang telah ditetapkan seperti di atas peta yang diberikan. Di TB, penguji akan memberi setiap kumpulan, satu titik panduan grid 6 angka di atas peta untuk mencari kedudukan Check Point (CP). Setiap kumpulan akan merancang dan bergerak mencari kedudukan Check Point yang telah diberikan dengan menggunakan kemahiran penggunaan kompas dan protector. Kumpulan akan melaporkan ke penguji sekiranya telah sampai ke CP yang ditetapkan. Penguji sekali lagi akan memberi titik panduan grid 6 angka terakhir untuk ke tempat penamat seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3**. Kaedah pemarkahan bagi menentukan pemenang adalah sama keadah seperti Ujian Jalan Laju.

4.4 Instrumen Penilaian Ujian Kemahiran Menembak

Objektik ujian kemahiran menembak yang dijalankan adalah bagi menentukan anggota wataniah memahami senjata persendirian masing-masing serta mahir mengendalikan senjata secara efektif dalam pelbagai keadaan. Selain itu juga ujian kemahiran menembak ini juga dapat menentukan seseorang anggota itu mempunyai kemahiran menembak dalam pelbagai kedudukan dan berkeyakinan menembak dengan menggunakan peluru sebenar. Ujian kemahiran menembak ini dijalankan menggunakan senjata Colt M16 di Lapang Sasar Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah. Pakaian celoreng digital (No. 5) perlu dipakai bersama kelengkapan braces beserta pouches kiri dan kanan. Botol air perlu diisi penuh dan pelindung telinga perlu ada semasa pemeriksaan dijalankan. Pelindung telinga perlu dipakai sewaktu menembak.

Kaedah penilaian ujian kemahiran menembak adalah pada Praktis 1 iaitu menembak dalam 4 kedudukan asas dengan jarak 100 meter. 4 kedudukan asas yang dinyatakan adalah meniarap, duduk, melutut dan berdiri. Penembak akan dibekalkan dengan 20 butir peluru dan akan menembak 5 butir peluru dalam setiap kedudukan. Jenis sasaran adalah 11/59 dengan pemarkahan 5,4,3. Borang pemarkahan ditunjukkan dalam **Rajah 4**. Jumlah penembak bagi setiap pasukan adalah seramai 30 orang (20 lelaki dan 10 perempuan). Pemilihan penembak individu terbaik adalah berdasarkan pengiraan markah penembak paling tinggi. Sekiranya terdapat persamaan markah, maka penembak dari kumpulan yang memperolehi markah paling banyak akan dikira sebagai pemenang. Manakala pemilihan johan pasukan, pemarkahan dinilai melalui markah tertinggi yang diperolehi oleh kumpulan. Sekiranya terdapat persamaan markah, maka kumpulan yang mempunyai senarai penembak yang terbaik dikira sebagai Johan Pasukan.



Rajah 3: Tanda Panduan Ujian Pandu Arah

BORANG MARKAH PRAKTIS 1

PENEMBAK:..... DETAIL:..... TARIKH:.....

PASUKAN:..... NO SASARAN:.....


PRAKTIS 1 KEDUDUKAN	JARAK	SASARAN	PENGUKURAN			CATATAN
			5	4	3	
Meniarap	100 M	11/59				
Duduk						
Melutut						
Berdiri						
Jumlah						
Markah Diperolehi						

Rajah 4: Borang Pemarkahan Praktis 1

5.0 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Keputusan yang dianalisa adalah merujuk kepada responden bagi peserta MALPTAAC 15/2024 Politeknik Banting Selangor yang menyertai instrument yang dinyatakan dalam methodology.


Jadual 4: Jadual Keputusan UJL 5 KM



5.1 Keputusan Instrument Ujian Jalan Laju 5 KM

Keputusan yang diperolehi dari instrument Ujian Jalan Laju 5 KM menunjukkan peserta dari pasukan Politeknik Banting Selangor (PBS) memperolehi markah yang dikumpul sebanyak 11886 dan berada di tempat nombor 8 dengan jumlah mata 9 seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 4**. Manakala johan bagi acara ini adalah Politeknik Ungku Omar (PUO) dengan jumlah markah sebanyak 12557. Perbezaan markah antara PBS pada kedudukan ke 8 berbanding PUO selaku johan adalah sebanyak 671 markah. Kebarangkalian perbezaan markah ini disebabkan masa yang diambil oleh pasukan PBS untuk sampai ke garian penamat lambat 11.18 minit. Walau bagaimana pon, kedudukan tempat ke 8 ini menunjukkan jati diri pasukan PBS mempunyai semangat juang yang tinggi untuk menamatkan larian hingga ke garisan penamat dan pasukan PBS masih mendahului 8 pasukan yang lain.


Jadual 5: Jadual Keputusan Multi Relay



5.2 Keputusan Instrumen Ujian Multi Relay

Keputusan yang diperolehi dari instrument Ujian Multi Relay menunjukkan peserta dari pasukan Politeknik Banting Selangor (PBS) memperolehi markah yang dikumpul sebanyak 13279 melalui 3 peringkat ujian dan berada di kedudukan nombor 3 dengan jumlah mata 14 seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 5**. Manakala Politeknik Ungku Omar (PUO) masih mengekalkan kedudukan sebagai johan untuk acara ini dengan jumlah markah sebanyak 13699. Perbezaan markah antara PBS pada kedudukan ke 3 berbanding PUO selaku johan adalah sebanyak 420 markah. Perbezaan markah ini disebabkan masa yang diambil oleh pasukan PBS untuk sampai ke garian penamat adalah sebanyak 28.31 minit, manakala PUO hanya mengambil masa 20.41 minit. PBS lambat 7.9 minit. Bagi ujian multi relay ini, pasukan PBS telah memperbaiki kedudukan ke tempat ke 3. Ini menunjukkan semangat juang dan jati diri peserta-peserta dalam pasukan PBS dapat ditingkatkan dari segi kecekapan masa, kemahiran kerja dalam berpasukan dan sokongan padu dari rakan sepasukan. Peranan jurulatih dalam membimbing pasukan dengan memberi kata-kata semangat untuk menjadi juara, menjadi sumber inspirasi.

Jadual 6: Jadual Keputusan Ujian Pandu Arah



5.3 Keputusan Instrumen Ujian Pandu Arah.

Jadual 6 menunjukkan keputusan bagi instrument Ujian Pandu Arah yang telah dilaksanakan di sekitar daerah Chuping dan Padang Besar. Jadual menunjukkan kedudukan pasukan PBS adalah pada tangga 13 dengan jumlah mata yang diperolehi adalah 4. Masa yang diambil oleh pasukan PBS untuk sampai ke tempat penamat adalah 4 jam 3 minit. Manakala masa yang diambil oleh PTSS selaku johan ujian pandu arah adalah 1 jam 36 minit. Keputusan ini menunjukkan bahawa anggota dalam pasukan pandu arah PBS masih lemah dalam menguasai kemahiran ilmu ketenteraan pandu arah. Antara faktor-faktor yang menyebabkan PBS jauh ketinggalan dalam kedudukan ke 13 adalah, pasukan PBS tiada penyesuaian tentang rupa muka bumi kawasan pandu arah ini. Kawasan ini adalah kawasan yang luas dan sebahagiannya adalah merupakan bekas penanaman tebu dan terdapat juga tanaman-tanaman lain seperti ladang kelapa sawit. Cuaca di kawasan ini juga panas sehingga boleh mencecah 41 °C yang menyebabkan anggota mudah letih dan tenaga semakin berkurangan untuk bergerak jauh.


Antara lain kelemahan bagi penguasaan kemahiran ketenteraan pandu arah ini, anggota PBS kurang latihan dan masih kurang mahir untuk membaca peta serta penggunaan kompas. Apabila penguasaan membaca peta dan penggunaan kompas bagi mencari arah tuju lemah, maka boleh berlaku kesilapan arah sewaktu perjalanan untuk sampai ke tempat *Check Point* (CP) yang hendak dituju.

5.4 Keputusan Instrument Ujian Kemahiran Menembak

Jadual 7 menunjukkan keputusan bagi instrument Ujian Kemahiran Menembak menggunakan senjata Colt M16 yang telah dilaksanakan di Lapang Sasar Universiti Utara Malaysia. Jadual keputusan menunjukkan kedudukan pasukan PBS adalah pada tangga 3 dengan jumlah mata yang diperolehi adalah 14. Jumlah markah menembak yang diperolehi pasukan menembak PBS adalah sebanyak 916. Pasukan menembak PSIS selaku johan ujian menembak telah mengumpul markah sebanyak 963 diikuti rapat oleh kumpulan POLIMAS selaku tempat ke 2 dengan mengumpul markah sebanyak 958. Ini meletakkan PBS sebagai antara pasukan terbaik, mengatasi 13 pasukan lain. Keputusan ini menunjukkan bahawa anggota menembak PBS mempunyai tahap penguasaan Kemahiran Ilmu Ketenteraan dalam pengendalian senjata dan menembak adalah ditahap yang bagus. Sesi latihan penyesuaian menembak dan tunjuk ajar oleh jurulatih sebelum hadir ke MALPTAAC untuk diuji amat penting dalam memastikan semua anggota mempunyai kemahiran yang diperlukan. Pada sesi latihan inilah anggota akan memastikan senjata persendirian mereka telah dilaras mengikut tenangan mata peserta dengan jarak yang ditetapkan.

Jadual 8 menunjukkan keputusan bagi pemenang individu ujian kemahiran menembak MALPTAAC 15/2024 bagi kategori lelaki dan wanita. Bagi kategori lelaki, tempat pertama telah dimenangi oleh peserta dari PMS dengan jumlah markah sebanyak 62. Manakala peserta individu lelaki PBS sekadar mendapat tempat ke 11 dengan markah sebanyak 49 dan tempat ke 19 dengan markah 46 daripada 20 peserta terbaik. Bagi kategori individu wanita, anggota penembak dari PBS telah mendapat tempat yang pertama dengan markah yang diperolehi sebanyak 59. Diikuti rapat peserta tempat kedua iaitu dari PSIS dengan markah sebanyak 58. Anggota wanita PBS lain yang mendapat tempat 10 terbaik adalah pada kedudukan tempat ke 4 dan ke 9 dengan masing-masing mengumpul markah sebanyak 47 dan 39. Melalui keputusan menembak individu ini menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran menembak bagi anggota PBS diungguli oleh peserta wanita berbanding peserta lelaki.

Jadual 7: Jadual Keputusan Ujian Kemahiran Menembak




Jadual 8: Jadual Keputusan Pemenang Individu Ujian Kemahira Menembak

SENARAI PEMENANG PERTANDINGAN MENEMBAK									
BIL	NO	PKT	NAMA	5	4	3	JUMLAH	POLITEKNIK	
1	6299295	PBT	MUHAMMAD DANISH BIN ABDUL HAMID	2	4	12	62	PMS	
2	6302474	PJM	MUHAMMAD FAIQ BIN MOHAMMAD BAKRI	3	5	7	56	POLIMAS	
3	6299625	PBT	ABDULLAH BIN REZALI	5	1	9	56	POLISAS	
4	6302447	PJM	AMAR AZRY HAKIMI BIN ABDULLAH ALI	5	2	7	54	POLIMAS	
5	6297687	LKPL	MUHAMMAD DANISH ALFIO BIN MOHD ALHURRY	5	1	8	53	POLIMAS	
6	6301816	PBT	MUHAMMAD ASWAR BIN ARIFFIN	1	2	13	52	PMU	
7	6302466	PJM	MUHAMMAD IBAD AMSYAR BIN RIDZWAN	3	4	7	52	POLIMAS	
8	6301561	PBT	MIER MUHAMMAD ABQARY BIN MOHD SARIMAN	2	0	14	52	PSAS	
9	6299194	PBT	DELL AR-RASYID BIN MOHD SAH	1	2	13	52	PTSN	
10	6298729	PBT	AMIR FAKHRUDDIN BIN YUSOF@MOHD YUSOF	3	0	12	51	POLISAS	
11	6297012	PBT	AHMED HAKARL BIN MOHD AIDIL FITRY	2	3	9	49	PBS	
12	6301829	PBT	MUHAMMAD ZAKI BIN ABDULLAH	1	2	12	49	PMU	
13	6299731	LKPL	MUHAMMAD NAZHIF ASYRAF BIN RAMLI	2	6	5	49	POLIMAS	
14	6299196	PBT	MUHAMMAD MIRZAN BIN SUHAIMI	2	3	9	49	PTSN	
15	6297530	PBT	NAQIB IKHWAN BIN SAIDIN	0	3	12	48	PMU	
16	6297457	PBT	MUHAMMAD NAZMI BIN SAMSUDIN	1	1	13	48	PSP	
17	6298707	PBT	MUHAMMAD DANIAL BIN ROSHAIMI	2	1	11	47	PMU	
18	6299885	PBT	MUHAMMAD AMAR HAKIMI BIN MOHAMAD ZAKI	3	2	8	47	PTSS	
19	6300025	PBT	AHMAD FIKRI BIN MOHD AFFANDI6	3	4	5	46	PBS	
20	6298272	PBT	MUHAMAD DANIEL BIN MUHAMAD FAIRUZ	3	1	9	46	PPD	

BIL	NO	PKT	NAMA	5	4	3	JUMLAH	POLITEKNIK	
1	6297033	LKPL	VANNESSA RUTH SIGAR PANGIRAN	6	2	7	59	PBS	
2	6299918	PBT	NORSHAHIERA BINTI SHAZLAZIZ	4	2	10	58	PSIS	
3	6288519	LKPL	SITI NUR SHAKIRA BINTI ABD HALIM	5	1	7	50	PSP	
4	6297017	PBT	SITI JASHNISHA	2	4	7	47	PBS	
5	6302514	PJM	ALIFAH SOFEA BINTI AHMAD HASMUNI HAFISS	3	2	8	47	PTSS	
6	6302135	PJM	NURINATHIRAH BINTI ZAINAL ABIDIN	3	3	6	45	PSIS	
7	6299797	PBT	SITI ZULINA NAZIRA BINTI JOSEPH	2	1	10	44	PKS	
8	6300471	PBT	NUR ATRIRAH BINTI ABDUL NASIR	0	1	13	43	POLIMAS	
9	6297028	PBT	NUR BATRISYIA BINTI SHAFUL AZHAR	2	2	7	39	PBS	
10	6301541	PBT	NUHA ARDIN BINTI MOHD HARDI	1	1	10	39	PSAS	

Jadual 9 menunjukkan keputusan keseluruhan bagi setiap instrumen dan kedudukan pasukan pada carta MALPTAAC 15/2024. Dengan jumlah 41 mata, PBS berada di tempat ke-6 keseluruhan, masih dalam kelompok atas akan tetapi terdapat jurang 11 mata daripada tempat pertama dan keduan iaitu PUO dan POLIMAS yang mengumpulkan 52 mata. Kedudukan keseluruhan tempat ke-6 ini membuktikan pelajar askar wataniah PBS mampu bersaing secara menyeluruh dengan politeknik lain dalam pelbagai kategori. Kedudukan ini menunjukkan bahawa anggota PBS masih kompetitif, tetapi memerlukan peningkatan dalam aspek kemahiran penguasaan ilmu ketenteraan pandu arah dan aspek jati diri bagi menguasai ujian jalan laju untuk bersaing di podium utama.

Jadual 9: Keputusan Keseluruhan dan Kedudukan Pasukan



6.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Kajian yang dijalankan ini membuktikan bahawa penyertaan pelajar askar wataniah PBS dalam program MALPTAAC 15/2024 telah mencapai matlamat kajian bagi menilai keberkesanan dua aspek utama: jati diri pelajar sebagai anggota askar wataniah dan kemahiran menguasai ilmu ketenteraan. Aspek Jati Diri Pelajar sebagai Anggota Askar Wataniah.

Anggota askar wataniah PBS menunjukkan pencapaian yang membanggakan dari sudut pembentukan jati diri, berdasarkan skor tinggi dalam Ujian Multi Relay. Pasukan PBS memperoleh 14 mata, menunjukkan pelajar memiliki tahap disiplin, semangat kerjasama, dan komitmen yang tinggi sebagai anggota askar wataniah.

1. Aspek Kemahiran Menguasai Ilmu Ketenteraan

Prestasi PBS dalam acara berkaitan kemahiran ketenteraan menunjukkan keberkesanan latihan yang diberikan. Bagi ujian kemahiran menembak, anggota askar wataniah PBS memperoleh 916 markah dengan menduduki tempat ke-3. Ini adalah satu pencapaian cemerlang yang menunjukkan penguasaan kemahiran taktikal dan teknikal menembak. Skor tinggi dalam ujian kemahiran menembak ini menegaskan lagi bahawa pelajar askar wataniah PBS memiliki kemahiran ketenteraan praktikal yang baik dan boleh dioptimumkan lagi. Namun begitu, skor rendah dalam kemahiran ilmu ketenteraan ujian pandu arah hanya memperoleh 4 mata mencerminkan kelemahan dari sudut teori atau pemahaman konteks ketenteraan secara menyeluruh.

Secara kesimpulannya, pelaksanaan program MALPTAAC 15/2024 ini banyak memberi manfaat kepada para pelajar politeknik terutamanya bagi membina jati diri, disiplin dan pengetahuan asas ketenteraan, seterusnya melahirkan anak muda yang berjiwa patriotisme dan mampu berkorban demi kedaulatan negara. Ini sesuai dengan konsep latihan yang diterapkan di dalam MALPTAAC iaitu meningkatkan potensi, semangat juang yang tinggi memiliki ketahanan mental dan fizikal serta berkemahiran tinggi melalui latihan tentera yang berterusan dan sistematik bagi mendukung konsep HANRUH (Pertahanan Menyeluruh) seperti yang digariskan dalam Dasar Pertahanan Negara. Walaupun pencapaian keseluruhan adalah baik, penekanan tambahan perlu diberikan kepada anggota dari aspek teori dan aspek penguasaan kemahiran praktikal ketenteraan untuk menghasilkan anggota yang lebih seimbang dari sudut fizikal dan intelektual.

RUJUKAN

- Ahmad, S., Zainal, M., & Halim, N. A. (2021). *Kesan Penyertaan Dalam Pasukan Beruniform Terhadap Disiplin dan Kemahiran Insaniah Pelajar*. Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 16(3), 45–58.
- Ahmad, S., Zainal, M., & Halim, N. A. (2021). *Impak Program Latihan Ketenteraan Terhadap Keyakinan dan Kemahiran Pelajar Politeknik*. Jurnal Teknologi dan Kemasyarakatan, 9(3), 50–62.
- Badusah, J., Awang Hashim, R., Konting, M. M., Suandi, T., Salih, M & Yusof, N. 2009. *Pembangunan Pelajar: Memperkasakan Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Canham, J. & Bennett, J. 2002. *Mentorship in community nursing: challenges and opportunities*. United Kingdom: Blackwell Science.
- Jumelan, J. E. (2014). *Penguasaan kemahiran insaniah pelajar dalam penglibatan aktiviti kokurikulum badan beruniform di UTHM* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Hashim, M. R., Keling, M. F. and Osman, N. (2020). *Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) di dalam Sistem Pertahanan Malaysia*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH). Vol 5(2), 42 - 53.
- Mahoney, J. L., Cairns, B. D. & Farmer, T. W. 2003. *Promoting interpersonal competence and educational success through extracurricular activity participation*. *Journal of Educational Psychology*. 95(2): 409-418.
- Mohamad, R. (2019). *Pengaruh Program Ketenteraan Terhadap Jati Diri Pelajar Institusi Pengajian Tinggi*. Jurnal Pendidikan Malaysia, 44(2), 101–110.
- Ismail, H., & Rahman, A. F. (2020). *Latihan Ketenteraan dan Penguasaan Kemahiran Asas dalam Kalangan Pelajar Pasukan Simpanan*. Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 12(1), 75–83.
- Garis panduan askar wataniah politeknik Malaysia. (2015). *Perpustakaan Negara Malaysia*. <http://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Kembaran MK TD/G3/OP BTN (C)/7038 (*Peraturan Pemakaian Dan Peralatan Semasa Latihan Dan Pertandingan*)
- Kembaran PROTAP latihan PMBTD No 23 (*Peraturan Ujian Jalan Laju Tentara Darat*)